

13/02/1998

12 jawatan Ketua Pemuda dipertanding

Rasid Rahaman

KLANG, Khamis - Dua belas daripada 17 jawatan Ketua Pemuda Umno bahagian di Selangor akan menyaksikan pertandingan dalam pemilihan di peringkat bahagian pada Mac ini, berikutan penyandang jawatan itu melebihi umur 40 tahun.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Selangor, Datuk Onn Ismail, berkata 12 Ketua Pemuda Umno bahagian itu kini mencapai umur 40 tahun yang tidak membolehkan mereka mengekalkan jawatan itu dalam pemilihan kali ini.

Jawatan Ketua Pemuda Umno bahagian terbabit ialah Selayang, Tanjong Karang, Shah Alam, Sepang, Sabak Bernam, Klang, Hulu Langat, Ampang Jaya, Subang, Gombak, Petaling Jaya Selatan (PJS) dan Kuala Langat.

"Lima jawatan Ketua Pemuda Umno bahagian yang disahkan tidak berlaku pertandingan dalam pemilihan kali ini ialah Kapar, Hulu Selangor, Kuala Selangor, PJ Utara dan Serdang," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Walaupun berlaku pertandingan, katanya, ini tidak bermakna bahagian Umno terbabit tidak mematuhi nasihat Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, yang meminta supaya tidak berlaku pertandingan dalam pemilihan jawatan tertinggi Umno di peringkat bahagian.

Menurutnya, perebutan jawatan terpaksa berlaku kerana jawatan itu dikosongkan oleh penyandang masing-masing kerana melebihi had umur.

Onn berkata, beliau percaya bagi jawatan Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua dan Ketua Wanita bahagian Umno di negeri ini, tidak akan berlaku pertandingan dalam pemilihan itu.

"Saya percaya bahagian terbabit, kecuali bahagian Umno Hulu Selangor akan mematuhi nasihat presiden parti yang meminta supaya tidak berlaku pertandingan dalam pemilihan kali ini," katanya.

Mengenai tindakan Timbalan Ketua Umno bahagian Kapar, Datuk Abdul Rahman Palil, menarik diri daripada bertanding merebut jawatan Ketua Umno bahagian, beliau berkata, pendirian timbalannya itu perlu dihormati.

"Kita perlu menghormati pendirian beliau yang patuh kepada nasihat pemimpin tertinggi Umno."

"Malah, pendirian itu, turut disertai ahli di bahagian itu, yang menyokong resolusi Badan Perhubungan Umno Selangor, tahun lalu supaya tidak berlaku pertandingan bagi pemilihan jawatan Pengerusi Umno bahagian, Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita," katanya.

Hari ini akhbar melaporkan, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Abu Hassan berusaha untuk memastikan tidak berlaku pertandingan dalam pemilihan jawatan tertinggi Umno di peringkat bahagian, bagi mematuhi nasihat presiden parti.

(END)